

Bekalan ikan mencukupi!

Jabatan Perikanan jamin sumber protein rakyat tidak terjejas sepanjang MTL

HM 22/11/23 M/S 19

Kuala Lumpur

Jabatan Perikanan Malaysia memberi jaminan bekalan ikan mencukupi sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) menerusi pendaratan sumber itu di Pantai Barat Semenanjung.

Jabatan itu dalam satu kenyataan memaklumkan

kepelbagaian jenis ikan menerusi pendaratan di semua kawasan negara dapat menampung keperluan rakyat walaupun berlakukan peralihan MTL di Pantai Timur.

"Melalui statistik tren pendaratan ikan di pantai barat, pengeluaran antara bulan November 2022 hing-

ga Mac 2023 terbukti dapat menampung keperluan keterjaminan stok ikan rakyat di Malaysia," menurut kenyataan itu. "Spesies ikan kembung merupakan jenis

bung merupakan jenis stok ikan rakyat yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan data perangkaan Jabatan Perikanan, pendaratan ikan kembung pada 2021 adalah sebanyak 40,959.95 tan metrik dengan nilai RM421 juta, 2022 sebanyak 39,146.95

tan metrik dengan nilai RM458 juta manakala bagi tahun 2023 (Januari hingga September) mencatatkan 33,102 tan metrik dengan nilai RM410 juta.

"Jumlah pendaratan ikan kembung bagi Pantai Barat Semenanjung sebanyak 22,765 tan metrik manakala di Pantai Timur sebanyak 9,637 tan metrik," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Ketua

Pengarah Jabatan Perikanan Datuk Adnan Hussain dalam kenyataan sama berkata pihaknya telah menjalankan kajian dan mempunyai maklumat lengkap mengenai cadangan musim tertutup bagi ikan kembung dan pelaling di Pantai Barat.

"Berdasarkan kajian pentaksiran sumber yang dijalankan oleh jabatan, stok ikan kembung akan mula tertangkap oleh pukat nelayan mulai April depan yang mana ini berkait dengan migrasi ikan kembung ke perairan negara," katanya.



TINJAUAN di Pasar Berek 12, Kota Bharu mendapati bekalan ikan masih mencukupi.